

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[PADANG BESAR]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan negeri Perlis keluar dari negeri yang miskin sepertimana yang diumumkan YAB Perdana Menteri pada 14 September 2019 dan adakah pembangunan infrastruktur dan kemudahan di negeri Perlis akan diberikan keutamaan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Hal Ehwat Ekonomi (MEA) melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) di bawah Tonggak ke-3 iaitu Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang telah memberikan penekanan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi dan menangani ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah melalui beberapa strategi dan inisiatif antaranya memastikan pengagihan peruntukan pembangunan yang lebih baik kepada negeri kurang membangun dengan keutamaan diberi kepada enam negeri termasuk Perlis. Ini bagi membolehkan pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik untuk memastikan pertumbuhan saksama demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Peruntukan Pembangunan di Perlis melalui *Rolling Plan* 4 pada tahun 2019 meningkat kepada RM319 juta berbanding RM247 juta pada tahun 2018. Peningkatan peruntukan ini menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mempercepatkan pembangunan serta meningkatkan ekonomi di Perlis di samping memastikan pertumbuhan yang lebih seimbang dengan negeri-negeri lain. Melalui peruntukan pembangunan ini, ia bakal membantu menarik lebih banyak pelaburan berkualiti serta merangsang pertumbuhan dan meningkatkan daya saing ekonomi di Perlis.

MEA juga turut memberi penekanan kepada pelaksanaan projek-projek fizikal berimpak tinggi dalam usaha merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. Antara projek berimpak tinggi di Perlis yang telah diluluskan dalam RMKe-11 seperti *Perlis Inland Port (PIP)* dan Kawasan Industri Lembah Chuping (CVIA) yang akan memberikan *outcome* limpahan ekonomi dengan mewujudkan sebanyak 12,674 peluang pekerjaan, manakala projek PIP sebanyak 4,056 peluang pekerjaan. Dalam hal ini, Kerajaan amat yakin sekiranya projek fizikal berimpak tinggi ini siap kelak, sudah pasti rakyat Perlis akan mendapat manfaat melalui pewujudan peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi yang bakal terhasil seiring dengan pembangunan tersebut. Kerajaan juga komited untuk memastikan projek CVIA dan PIP dijayakan sebaiknya bagi merealisasikan hasrat Kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat di Perlis dan seterusnya merapatkan jurang pembangunan antara negeri dan wilayah.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan meningkatkan pembangunan Perlis, sektor pelancongan turut tidak dilupakan. Di dalam hal ini, Pelan Induk Perancangan Fizikal Pelancongan Negeri Perlis sedang dalam pelaksanaan. Selain itu, bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di Perlis ke arah menggalakkan lebih ramai pelancong masuk ke negeri ini, Kerajaan komited dalam meneruskan pelaksanaan projek menaiktaraf Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Padang Besar, Perlis, kerja-kerja pengerukan untuk keselamatan alur pelayaran bagi laluan

bot dan feri di Basin Kuala Perlis, menaiktaraf taman awam Perlis dan projek pembinaan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Perlis (Kangar Sentral). Kesemua projek dengan kos berjumlah hampir RM65 juta ini dilihat dapat membantu meningkatkan sektor pelancongan melalui peningkatan kemudahan dan pergerakan pelancong dalam dan luar ke Perlis. Kemudahan pengangkutan awam seperti ETS terus ke Padang Besar sejak tahun 2015 juga telah memanfaatkan sektor pelancongan bagi menambah lagi sumber ekonomi kepada Perlis.

Selain itu, inisiatif penyediaan infrastruktur yang lebih baik dan peningkatan ketersambungan luar bandar ke bandar, sebanyak RM126.2 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan jalan perhubungan desa serta bagi membina jalan dari Kg Chuping Bawah Bukit ke Kg. Guar Musang dan Panggas Besar, membina jalan dari Sg. Adam ke Kg. Banat dan membina Jalan Padang Nyu Rani Estate ke Jalan Padang Siding.

MEA terus memberikan keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan Perlis. Satu sesi libat urus Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe12) pada 6 Ogos 2019 telah mengenalpasti input daripada Kerajaan negeri Perlis bagaimana Kerajaan Persekutuan dapat membantu membangunkan Perlis dalam pelan pembangunan yang akan datang. Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang dilancarkan pada 5 Oktober 2019 merupakan satu platform untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. Prinsip Kemakmuran Bersama didukung sepenuhnya oleh MEA dalam menggubal pelan pembangunan RMKe12 demi menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pengagihan kekayaan negara yang saksama termasuk Perlis.

Sehubungan itu, adalah amat diharapkan kerajaan negeri terus menyokong usaha Kerajaan untuk bersama-sama menggembeng tenaga dalam menjayakan agenda pembangunan negara, khususnya di Perlis melalui pelaksanaan kesemua projek pembangunan yang telah diluluskan ini.

Sekian, terima kasih.